



KENYATAAN MEDIA
LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL),
SUKU TAHUN KEEMPAT 2023

Median upah bulanan sektor formal naik 4.9 peratus tahun ke tahun kepada RM2,900 pada Disember 2023.

PUTRAJAYA, 31 Mei 2024 – Median upah bulanan sektor formal naik 4.9 peratus tahun ke tahun kepada RM2,900 pada Disember 2023, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 31 Mei dalam **LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL), SUKU TAHUN KEEMPAT 2023**.

Mengulas lanjut tentang laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Bilangan pekerja formal warganegara Malaysia adalah sebanyak 6.67 juta orang pada Disember 2023, naik 1.8 peratus jika dibandingkan dengan bulan yang sama tahun sebelumnya."

Dari sudut pekerja formal mengikut jantina, pekerja formal lelaki meliputi 55.5 peratus daripada keseluruhan pekerja formal atau bersamaan dengan 3.70 juta orang pada Disember 2023. Median upah bulanan untuk pekerja formal lelaki adalah sebanyak RM2,945 manakala pekerja formal perempuan yang merangkumi 44.5 peratus (2.97 juta orang) daripada keseluruhan pekerja formal menerima RM2,845.

Melihat kepada perincian statistik upah mengikut kumpulan umur menunjukkan kumpulan yang menerima median upah bulanan tertinggi adalah bagi kumpulan umur 45 hingga 49 tahun iaitu RM3,927 pada Disember 2023. Kumpulan umur ini juga menerima median upah bulanan tertinggi pada Oktober 2023 (RM3,500) dan November 2023 (RM3,500). Pada Disember 2023, semua kumpulan umur mengalami peningkatan median upah bulanan jika dibandingkan dengan Disember tahun lepas, kecuali mereka yang berumur bawah 20 tahun. Kumpulan umur 60 hingga 64 tahun mengalami peningkatan tahun ke tahun yang tertinggi pada median upah bulanan sebanyak 7.4 peratus kepada RM2,900 pada Disember 2023. Sementara itu, median upah bulanan pekerja formal warganegara Malaysia bawah 20 tahun adalah RM1,500 pada Disember 2023, kekal tidak berubah selama 19 bulan berturut-turut.

Perincian lanjut mengenai situasi upah mengikut aktiviti ekonomi, Ketua Perangkawan berkata, "Pada suku tahun keempat 2023, semua sektor merekodkan peningkatan tahun ke tahun median upah bulanan. Sektor Perlombongan dan pengkuarian menerima median upah bulanan tertinggi iaitu RM6,844 pada Disember 2023,

walaupun hanya mewakili 0.6 peratus daripada keseluruhan pekerja formal. Sektor ini juga mengalami peningkatan tahun ke tahun tertinggi bagi median upah bulanan dengan 7.7 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian yang meliputi 1.9 peratus pekerja formal, mencatatkan median upah bulanan terendah iaitu RM2,300 dengan peningkatan 3.3 peratus pada Disember 2023.”

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Median upah bulanan menunjukkan peningkatan positif tahun ke tahun bagi semua negeri pada tiga bulan terakhir 2023. Tiga negeri yang mencatatkan median upah bulanan yang lebih tinggi berbanding median upah bulanan nasional RM2,900 adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan median upah bulanan tertinggi iaitu RM4,045 diikuti oleh Pulau Pinang sebanyak RM3,245 dan Selangor sebanyak RM3,164. Pada masa yang sama, Kelantan, Perlis dan Sabah mencatatkan median upah bulanan terendah pada Disember 2023, masing-masing sebanyak RM1,600, RM1,700 dan RM1,882.”

Dari segi taburan upah pada Disember 2023, Ketua Perangkawan menyatakan bahawa 31.2 peratus daripada pekerja formal warganegara Malaysia memperoleh upah bulanan di bawah RM2,000, menunjukkan penurunan daripada 33.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, 10.7 peratus pekerja formal warganegara Malaysia memperoleh upah bulanan sebanyak RM10,000 dan ke atas pada Disember 2023. Tambahan lagi, analisis persentil menunjukkan bahawa persentil ke-10 pekerja formal warganegara Malaysia menerima upah bersamaan atau kurang daripada RM1,500. Walau bagaimanapun, kumpulan ini merekodkan peningkatan upah bulanan sebanyak 5.1 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (Disember 2022: RM1,427). Nisbah upah antara persentil ke-90 dan persentil ke-10 menunjukkan bahawa kumpulan 10 peratus penerima upah tertinggi menerima lebih dari enam kali ganda upah berbanding kumpulan 10 peratus penerima upah terendah.

Mengakhiri kenyataannya pada keluaran hari ini, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, “Statistik ini adalah berdasarkan sumber data pentadbiran daripada agensi yang berkaitan, memberi tumpuan kepada warganegara yang bekerja di sektor formal, khususnya di sektor swasta. Perantaian kehadapan, DOSM beriltizam untuk terus memperkuuh penyebaran statistik upah pekerja dengan mengintegrasikan pelbagai data pentadbiran untuk pengeluaran statistik yang lebih terperinci bagi pemahaman yang lebih mendalam tentang pasaran buruh yang dinamik di Malaysia.”

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 MEI 2024**


Paparan 1: Median Upah Bulanan, Januari 2022 – Disember 2023



Paparan 2: Median Upah Bulanan mengikut Jantina, Oktober – Disember 2023

JANTINA

Median upah bulanan bagi **lelaki (RM2,945)** adalah lebih tinggi berbanding perempuan (RM2,845) pada Disember 2023.




Paparan 3: Median Upah Bulanan mengikut Aktiviti Ekonomi, Oktober – Disember 2023

AKTIVITI EKONOMI


Median upah bulanan paling tinggi pada Disember 2023 direkodkan dalam **sektor Perlombongan & pengkuarian (RM6,844)**, diikuti Pembuatan, Pembinaan, Perkhidmatan dan Pertanian.



Paparan 4: Median Upah Bulanan mengikut Negeri, Oktober – Disember 2023



Paparan 5: Median Upah Bulanan mengikut Skala Gaji, Disember 2022 & Disember 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 MEI 2024**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT, FOURTH QUARTER 2023

The median monthly wages for formal sector increased 4.9 per cent year-on-year to RM2,900 in December 2023.

PUTRAJAYA, 31 May 2024 – *The median monthly wages for formal sector increased 4.9 per cent year-on-year to RM2,900 in December 2023, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported on May 31st in its quarterly **EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT, FOURTH QUARTER 2023**'s summary.*

Commenting further on the report, the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said “The number of Malaysian formal employees was 6.67 million persons in December 2023, an increase of 1.8 per cent as compared to the same month in the previous year.”

In terms of formal employees by sex, male formal employees accounted for 55.5 per cent of the total formal employees or equivalent to 3.70 million persons in December 2023. The median monthly wages for male formal employees stood at RM2,945 while female formal employees which comprised 44.5 per cent (2.97 million persons) of total formal employees received RM2,845.

Looking at detailed wage statistics by age group indicates the group that received the highest median monthly wages was for the age group of 45 to 49 years which is RM3,927 in December 2023. This age group also received the highest median monthly wages in October 2023 (RM3,500) and November 2023 (RM3,500). In December 2023, all age groups experienced an increase in median monthly wages compared to December last year, except for those below 20 years old. The age group of 60 to 64 years old experienced the highest year-on-year growth of median monthly wages with 7.4 per cent to RM2,900 in December 2023. Meanwhile, the median monthly wages of Malaysian formal employees under 20 years old was RM1,500 in December 2023, which remained unchanged for 19 consecutive months.

Further disaggregation of wages situation by economic activity, the Chief Statistician said, “In the fourth quarter of 2023, all sectors recorded a year-on-year increase in median monthly wages. Mining and quarrying sector received the highest median monthly wages of RM6,844 in December 2023, despite only representing 0.6 per cent of total formal employees. This sector also experienced the highest year-on-year growth of median

monthly wages at 7.7 per cent compared to the same month in the previous year. However, Agriculture sector which comprised of 1.9 per cent of total formal employees, recorded the lowest median monthly wages of RM2,300 with an increase of 3.3 per cent in December 2023.”

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, “The median monthly wages witnessed a positive year-on-year growth for all states in the last three months of 2023. Three states posted a higher median monthly wages compared to the national median monthly wages of RM2,900 with Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur posted the highest median monthly wages of RM4,045, followed by Pulau Pinang at RM3,245 and Selangor at RM3,164. Meanwhile, Kelantan, Perlis and Sabah registered the lowest median monthly wages in December 2023, with RM1,600, RM1,700 and RM1,882 respectively.”

In terms of wage distribution in December 2023, the Chief Statistician stated that 31.2 per cent of Malaysian formal employees earned a monthly wages below RM2,000, marking a decrease from 33.7 per cent as compared to the previous year. In the meantime, 10.7 per cent of Malaysian formal employees earned monthly wages of RM10,000 and above in December 2023. In addition, the percentile analysis shows that the 10th percentile of Malaysian formal employees earned wages of RM1,500 or less. However, this group registered an increase of 5.1 per cent in monthly wages as compared to the same month last year (December 2022: RM1,427). The wage ratio between the 90th and the 10th percentile indicates that the top 10 per cent of wage earners received more than six times the earnings of the lowest 10 per cent of wage earners.

Concluding his statement on today’s release, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin said, “These statistics are based on administrative data sources obtained from relevant agencies, which focus on the citizens who work in the formal sector, notably in the private sector. Looking ahead, DOSM will continue to enhance the dissemination of employee wages statistics by integrating various administrative data to produce more comprehensive statistics for a deeper understanding of Malaysia’s labour market dynamics.”

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
31 MAY 2024**

Exhibit 1: Median Monthly Wages, January 2022 – December 2023



Exhibit 2: Median Monthly Wages by Gender, October – December 2023

BY SEX

Median monthly wages for **male** (RM2,945) was higher than female (RM2,845) in December 2023.



Exhibit 3: Median Monthly Wages by Economic Activity, October – December 2023

BY ECONOMIC ACTIVITY

The highest median monthly wages in December 2023 was recorded in **Mining & quarrying sector (RM6,844)**, followed by Manufacturing, Construction, Services and Agriculture.



Exhibit 4: Median Monthly Wages by State, October – December 2023





Exhibit 5: Employee Wages Distribution by Wage Scale, December 2022 & December 2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

31 MAY 2024